



كو فير اسي ثورو ملا يو كلنتن برحد
KOPERASI GURU MELAYU KELANTAN BERHAD (1382)
(KOOP GURU)
(DITUBUHKAN PADA TAHUN 1938)

Koop Guru : 102/16/(68)
Tarikh : 06 Mac 2025

Kepada,

Semua Anggota,
Koperasi Guru Melayu Kelantan Berhad.
Kawasan Machang.

Tuan/Puan,

**NOTIS DAN JEMPUTAN MESYUARAT AGUNG KAWASAN KALI KEENAM BELAS – MACHANG 2025
KOPERASI GURU MELAYU KELANTAN BERHAD (KOOP GURU)**

Dengan segala hormatnya tuan/puan dijemput dan dipersilakan hadir di mesyuarat yang tersebut di atas pada tarikh, masa dan tempat sebagaimana tersebut di bawah :-

Tarikh : 19 APRIL 2025 (SABTU)
Masa : 2.00 PETANG
**Tempat : SEK MEN SAINS MACHANG,
18500 MACHANG, KELANTAN.**
Pendaftaran : JAM 2.00 PETANG – 4.00 PETANG

2. Agenda mesyuarat adalah seperti berikut :-

- i. Memilih seorang Pengerusi Mesyuarat.
- ii. Memilih seorang Setiausaha Mesyuarat.
- iii. Menerima dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan Kali Ke-15.
- iv. Menimbang Laporan Lembaga 2024.
- v. Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-30 Tahun 2025.
- vi. Menimbang draf akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2024.
- vii. Menimbang belanjawan tahunan bagi tahun 2026 semakan 2025 untuk dibentang dalam Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Kali Ke-30 Tahun 2025.
- viii. Menimbang cadangan pindaan kepada Undang-Undang Kecil dan Aturan-aturan Aktiviti Koperasi jika ada.
- ix. Menimbang dan meluluskan usul daripada Lembaga dan Anggota Koperasi, jika ada, yang diterima tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Kawasan.

3. Anggota boleh melihat paparan bahan-bahan mesyuarat seperti Buku Laporan Kawasan, Penyata Kewangan 2024 dan Minit Mesyuarat Kawasan yang lepas di laman web koperasi www.koopguru.com.my/new.

4. Anggota-anggota yang ingin mengemukakan usul-usul untuk dibincang dan dilulus dalam Mesyuarat Agung Kawasan, sila kemukakan usul-usul tersebut kepada Setiausaha Lembaga, tidak lewat daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Kawasan.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas,
Koperasi Guru Melayu Kelantan Berhad

(HAJI MAT KAIT B ABDULLAH)
Setiausaha Lembaga

- s.k
1. Tuan Pengarah,
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Kelantan,
Wisma Persekutuan, Kota Bharu
 2. Semua Anggota Lembaga Koperasi



كو فير اسي ثورو ملا يو كلنتن برحد
KOPERASI GURU MELAYU KELANTAN BERHAD (1382)
(KOOP GURU)
(DITUBUHKAN PADA TAHUN 1938)

Koop Guru : 102/16/(69)
Tarikh : 06 Mac 2025

Kepada,
Semua Anggota,
Koperasi Guru Melayu Kelantan Berhad.
Kawasan Machang.

Tuan/Puan,

PENAMAAN CALON PERWAKILAN KAWASAN MACHANG – 2025
KOPERASI GURU MELAYU KELANTAN BERHAD (KOOP GURU)

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa bagi maksud seksyen 37 Akta Koperasi 1993, anggota perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi hendaklah dipilih dalam Mesyuarat Agung Kawasan. **Mesyuarat Agung Kawasan Machang** akan diadakan pada **19 APRIL 2025 (SABTU)**.

2. Bagi memudahkan pemilihan anggota perwakilan dari kawasan-kawasan, Lembaga Koperasi telah memutuskan bahawa pencalonan hendaklah dibuat lebih awal.

1. Tuan/Puan bolehlah dicalon, menyokong atau mencadang mana-mana anggota Koperasi yang sedang berkhidmat dalam kawasan tuan/puan sebagai wakil kawasan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi.
2. Semua pencalonan hendaklah dikemukakan dengan menggunakan **“BORANG PENAMAAN CALON PERWAKILAN KAWASAN MACHANG”** yang boleh diambil di Pejabat Koperasi Guru Melayu Kelantan Berhad, pada waktu pejabat, **mulai 13 MAC 2025 (KHAMIS). Waktu kerja bulan puasa bermula jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang.**
3. Borang Penamaan Calon dan profil calon yang lengkap diisi hendaklah sampai ke Pejabat Setiausaha Lembaga Koperasi Guru Melayu Kelantan Berhad, tidak lewat daripada **jam 12.00 tengahari 25 MAC 2025 (SELASA)**.

Kelayakan calon/penyokong/pencadang

1. Anggota yang telah menjelaskan bayaran penuh satu ratus ringgit syer.
2. Telah menjadi anggota Koperasi tidak kurang dari tiga bulan, sebelum tarikh mesyuarat agung kawasan yang berkenaan.
3. Yuran tidak tertunggak selama 6 (enam) bulan berturut-turut.
4. Anggota yang berhasrat untuk menjadi calon, penyokong dan pencadang hendaklah sedang berkhidmat dalam kawasan berkenaan. Bagi anggota bersara hendaklah bermastautin dalam kawasan berkenaan.
5. Penyokong atau pencadang hanya boleh menjadi penyokong atau pencadang kepada seorang calon sahaja.
6. Calon, Penyokong dan Pencadang hendaklah bebas daripada hutang kecuali hutang melalui potongan gaji.
7. Anggota hendaklah mengisi Borang Penamaan Calon dan profil calon dengan sempurna. Koperasi berhak menolak mana-mana calon yang tidak memenuhi syarat mengikut Undang-undang Kecil 21(1)(2) Koperasi dan Aturan Pemilihan Perwakilan Perkara 9.4 dan 9.5 Koperasi dan pengisian borang permohonan yang tidak lengkap.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas,
Koperasi Guru Melayu Kelantan Berhad

(HAJI MAT KAIT B ABDULLAH)
Setiausaha Lembaga

- s.k
1. Tuan Pengarah,
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Kelantan,
Wisma Persekutuan, Kota Bharu
 2. Semua Anggota Lembaga Koperasi